

3. AGIHAN HASIL PADI BAGI PROJEK LADANG MERDEKA

Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

1. LATAR BELAKANG

1.1. Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) telah memperkenalkan Projek Ladang Merdeka pada tahun 1991 untuk membentuk pengurusan sawah padi secara estet yang lebih cekap dan sistematik. Objektif utama Projek Ladang Merdeka adalah untuk menangani masalah kemiskinan dan tanah sawah terbiar dengan meningkatkan produktiviti pengeluaran hasil padi.

1.2. Projek Ladang Merdeka yang mula beroperasi pada tahun 1992 merupakan penyatuan petak sawah milik peserta yang dipersetujui melalui perjanjian untuk diuruskan oleh KADA secara estet. Petak sawah disusun semula dengan lebih sistematik mengikut saiz yang seragam dengan penambahbaikan infrastruktur pengairan ke arah perusahaan padi secara komersial dan ekonomi.

1.3. Sehingga 31 Disember 2021, sebanyak 16 Ladang Merdeka telah beroperasi dengan keluasan 737.52 hektar melibatkan 2,406 peserta. Butiran lanjut berkaitan Projek Ladang Merdeka adalah seperti dalam **Jadual 3.1**.

JADUAL 3.1
SENARAI PROJEK LADANG MERDEKA

| BIL. | JAHAHAN | LADANG MERDEKA | MULA OPERASI (MUSIM/ TAHUN) | KELUASAN TERLIBAT (HA) | BIL. PESERTA (ORANG) |
|------|------------------|----------------|-----------------------------|------------------------|----------------------|
| 1. | Kota Bharu Utara | Ismail Mulong | 1/1992 | 113.18 | 489 |
| 2. | | Tok Lebir | 1/1993 | 9.11 | 48 |
| 3. | Pasir Mas | Meranti | 1/1992 | 44.30 | 120 |
| 4. | | Tok Limin | 1/1992 | 14.77 | 78 |
| 5. | | Bunut Susu | 1/1992 | 8.93 | 37 |
| 6. | | Senor | 1/1996 | 47.55 | 113 |
| 7. | | Manan | 2/2002 | 35.91 | 173 |
| 8. | | Bakong | 1/2004 | 48.11 | 103 |
| 9. | Tumpat | Cherebu | 2/1996 | 53.15 | 210 |
| 10. | | Ana I | 1/2000 | 104.78 | 359 |
| 11. | | Teratak Pulai | 1/2003 | 41.36 | 180 |
| 12. | | Ana II | 2/2003 | 50.04 | 126 |
| 13. | | Ana III | 1/2005 | 42.19 | 57 |

| BIL. | JAJAHAN | LADANG MERDEKA | MULA OPERASI (MUSIM/ TAHUN) | KELUASAN TERLIBAT (HA) | BIL. PESERTA (ORANG) |
|---------------|--------------------|----------------|-----------------------------|------------------------|----------------------|
| 14. | Pasir Puteh | Kolam | 2/1997 | 43.18 | 114 |
| 15. | | Jelor | 1/2005 | 49.08 | 118 |
| 16. | Kota Bharu Selatan | Jabil | 2/2003 | 31.88 | 81 |
| JUMLAH | | | | 737.52 | 2,406 |

Sumber: Senarai Projek Ladang Merdeka, KADA

1.4. Cawangan Pengurusan dan Perladangan, Bahagian Pertanian KADA bertanggungjawab merancang, melaksana, memantau dan menilai program pembangunan Ladang Merdeka daripada peringkat penanaman sehingga agihan hasil padi. Kos operasi Ladang Merdeka didahulukan oleh KADA manakala hasil bersih daripada projek ini akan diagihkan kepada pemilik tanah mengikut peratus milikan tanah masing-masing.

1.5. Mengikut Perjanjian antara KADA dengan Peserta, keuntungan bersih projek (hasil padi) diagih selepas jumlah nilai hasil pengeluaran ditolak dengan jumlah kos pengeluaran dan bayaran perkhidmatan sebanyak 1%. Mengikut Tatacara Pelaksanaan Projek Ladang Merdeka, pengagihan hasil padi tersebut perlu dibuat pada setiap akhir musim penanaman padi. Agihan hasil padi dibuat melalui arahan pembayaran atas nama Pengurus Besar KADA dan seterusnya diagihkan secara tunai kepada peserta. KADA menerima pakai Arahan Perbendaharaan bagi menguruskan agihan hasil padi kepada peserta.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada agihan hasil padi bagi Projek Ladang Merdeka dilaksanakan mengikut perjanjian, Tatacara Pelaksanaan Projek Ladang Merdeka dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini dijalankan di Ibu Pejabat KADA meliputi agihan hasil padi Projek Ladang Merdeka bagi tahun 2020 hingga 2021.

3.2. Pengauditan meliputi keseluruhan 24 baucar bayaran tahun 2020 dan 2021 berjumlah RM5.12 juta bagi agihan hasil padi Ladang Merdeka. Pengauditan juga dibuat terhadap hasil padi yang tidak diagihkan kepada peserta berjumlah RM233,162 bagi tahun 2013 hingga 2019.

3.3. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan serta menganalisis data yang diperoleh daripada Sistem Pengurusan Ladang Merdeka. Pengesahan maklumat peserta projek turut dibuat dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) melalui sistem myIDENTITY. Temu bual telah diadakan dengan pegawai KADA dan soal selidik melibatkan peserta Projek Ladang Merdeka turut dilaksanakan. Lawatan fizikal dijalankan di enam ladang yang mempunyai bilangan peserta yang tertinggi, iaitu Ladang Merdeka Ismail Mulong, Ladang Merdeka Ana I, II dan III, Ladang Merdeka Teratak Pulau dan Ladang Merdeka Senor.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan September hingga November 2022. Maklum balas daripada KADA diterima pada 18 Disember 2022, 2 Februari 2023 dan 14 Julai 2023. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 4 Januari 2023. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti di perenggan 4.1 dan 4.2.

4.1. Agihan Hasil Padi Berjumlah RM4.36 Juta Kepada Wakil Peserta yang Tidak Dapat Disahkan

4.1.1. Mengikut klausa 1.6 perjanjian, KADA perlu menyerahkan hasil padi selepas jumlah nilai hasil pengeluaran ditolak dengan jumlah kos pengeluaran dan bayaran perkhidmatan sebanyak 1%. Klausa 2.7 dan 2.8 perjanjian pula menetapkan pindah milik melalui pusaka tidak menghalang KADA untuk meneruskan urusan Ladang Merdeka. Perjanjian ini mengikat pewaris dan Pentadbir Pusaka, dan/atau Penguasa kedua-dua belah pihak.

4.1.2. Arahan Perbendaharaan 99(g) pula menetapkan tatacara bayaran yang dibuat kepada orang yang lain daripada yang disebutkan namanya dalam baucar. Kuasa yang membenarkan pembayaran tersebut mestilah dicatatkan pada baucar dan disokong dengan surat kuasa wakil dan/atau surat mentadbir pusaka.

4.1.3. Analisis Audit terhadap Senarai Pembahagian Hasil Ladang Merdeka bagi tahun 2020 dan 2021 mendapati **hasil padi berjumlah RM4.36 juta daripada RM5.12 juta telah diagih secara tunai kepada wakil peserta yang tidak dapat disahkan kerana tidak mempunyai surat kuasa wakil atau surat mentadbir pusaka.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3.2.**

JADUAL 3.2
AGIHAN HASIL PADI
KEPADA WAKIL PESERTA YANG TIDAK DAPAT DISAHKAN

| BIL. | LADANG MERDEKA | TAHUN 2020 | | TAHUN 2021 | | JUMLAH KESELURUHAN | |
|---------------------------|----------------|--------------|--------------------|--------------|--------------------|--------------------|--------------------|
| | | BIL. AGIHAN | JUMLAH HASIL* (RM) | BIL. AGIHAN | JUMLAH HASIL* (RM) | BIL. AGIHAN | JUMLAH HASIL* (RM) |
| 1. | Ismail Mulong | 489 | 575,351 | 568 | 661,668 | 1,057 | 1,237,019 |
| 2. | Ana 1 | 469 | 278,815 | 385 | 256,436 | 854 | 535,251 |
| 3. | Kolam | 142 | 153,588 | 119 | 200,519 | 261 | 354,107 |
| 4. | Senor | 163 | 152,684 | 165 | 195,413 | 328 | 348,097 |
| 5. | Cherebu | 232 | 159,842 | 201 | 99,415 | 433 | 259,257 |
| 6. | Manan | 249 | 115,131 | 258 | 118,997 | 507 | 234,128 |
| 7. | Meranti | 172 | 112,724 | 166 | 109,308 | 338 | 222,032 |
| 8. | Bakong | 135 | 109,488 | 141 | 110,357 | 276 | 219,845 |
| 9. | Teratak Pulau | 192 | 75,255 | 190 | 110,890 | 382 | 186,145 |
| 10. | Ana II | 178 | 87,621 | 175 | 90,097 | 353 | 177,718 |
| 11. | Jabil | 103 | 91,284 | 102 | 85,840 | 205 | 177,124 |
| 12. | Ana III | 77 | 76,379 | 70 | 70,896 | 147 | 147,275 |
| 13. | Jelor | 68 | 11,337 | 157 | 87,871 | 225 | 99,208 |
| 14. | Tok Limin | 106 | 37,487 | 103 | 38,838 | 209 | 76,325 |
| 15. | Bunut Susu | 57 | 24,787 | 58 | 23,676 | 115 | 48,463 |
| 16. | Tok Lebir | 53 | 21,041 | 48 | 18,224 | 101 | 39,265 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 2,885 | 2,082,814 | 2,906 | 2,278,445 | 5,791 | 4,361,259 |

Sumber: Senarai Pembahagian Hasil Ladang Merdeka Bagi Tahun 2020 dan 2021

Nota: *Jumlah hasil adalah untuk dua musim bagi satu tahun

4.1.4. Analisis lanjut terhadap Senarai Pembahagian Hasil Ladang Merdeka dan semak silang dengan Sistem myIDENTITY JPN mendapati daripada RM4.36 juta, sebanyak **RM2.20 juta merupakan agihan hasil padi bagi 917 peserta yang telah meninggal dunia.** Bagaimanapun, agihan hasil padi dibuat kepada wakil peserta yang tidak mempunyai surat kuasa wakil atau surat mentadbir pusaka. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3.3.**

JADUAL 3.3
AGIHAN HASIL PADI KEPADA WAKIL
PESERTA BAGI PESERTA YANG TELAH MENINGGAL DUNIA

| BIL. | LADANG MERDEKA | BIL. PESERTA YANG MENINGGAL DUNIA | HASIL PADI TAHUN 2020* (RM) | HASIL PADI TAHUN 2021* (RM) | JUMLAH (RM) |
|------|----------------|-----------------------------------|-----------------------------|-----------------------------|-------------|
| 1. | Ismail Mulong | 161 | 291,480 | 332,031 | 623,511 |
| 2. | Ana 1 | 166 | 146,206 | 139,990 | 286,196 |
| 3. | Kolam | 60 | 85,418 | 136,649 | 222,067 |
| 4. | Senor | 48 | 84,598 | 107,448 | 192,046 |
| 5. | Cherebu | 88 | 82,996 | 61,089 | 144,085 |
| 6. | Bakong | 45 | 61,942 | 62,410 | 124,352 |
| 7. | Manan | 67 | 57,311 | 57,311 | 114,622 |

| BIL. | LADANG MERDEKA | BIL. PESERTA YANG MENINGGAL DUNIA | HASIL PADI TAHUN 2020* (RM) | HASIL PADI TAHUN 2021* (RM) | JUMLAH (RM) |
|---------------------------|----------------|-----------------------------------|-----------------------------|-----------------------------|------------------|
| 8. | Jabil | 30 | 43,795 | 41,424 | 85,219 |
| 9. | Teratak Pulai | 55 | 23,148 | 49,474 | 72,622 |
| 10. | Meranti | 33 | 33,824 | 33,151 | 66,975 |
| 11. | Ana III | 18 | 31,782 | 31,782 | 63,564 |
| 12. | Ana II | 35 | 30,522 | 30,522 | 61,044 |
| 13. | Jelor | 37 | - | 57,955 | 57,955 |
| 14. | Tok Limin | 41 | 18,904 | 19,079 | 37,983 |
| 15. | Tok Lebir | 20 | 11,664 | 11,818 | 23,482 |
| 16. | Bunut Susu | 13 | 9,653 | 9,779 | 19,432 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 917 | 1,013,243 | 1,181,912 | 2,195,155 |

Sumber: Senarai Pembahagian Hasil Ladang Merdeka dan Data Sistem myIDENTITY JPN Bagi Tahun 2020 dan 2021
Nota: *Jumlah hasil adalah untuk dua musim bagi satu tahun

4.1.5. Semakan lanjut mendapati Borang Kebenaran Kepada Wakil bagi mengambil wang hasil padi Ladang Merdeka hanya digunakan mulai tahun 2020 di 14 daripada 16 Ladang Merdeka. Ladang Merdeka Cherebu dan Ladang Merdeka Manan hanya menggunakan borang tersebut mulai tahun 2021. Wakil peserta atau waris akan mengisi borang tersebut semasa menerima agihan hasil padi bagi pihak peserta. Bagaimanapun, kesemua 1,814 borang yang disemak bagi tahun 2020 dan 2021 di 16 Ladang Merdeka tidak diisi dengan lengkap iaitu wakil atau waris tidak mengisi maklumat peserta yang diwakilinya dan jumlah agihan yang diterima serta hubungan dengan peserta.

4.1.6. Perkara ini berlaku disebabkan perjanjian yang lemah kerana tidak memperincikan kaedah agihan hasil padi. Perjanjian tersebut tidak pernah disemak sejak ditandatangani dengan peserta antara tahun 1992 hingga 2005. KADA juga tidak menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang lengkap sejak Ladang Merdeka beroperasi pada tahun 1992. Tiada SOP berkenaan penerimaan agihan hasil padi oleh waris/wakil yang meninggal dunia, pengeluaran surat kuasa wakil atau surat mentadbir pusaka serta prosedur penamaan waris peserta. Selain itu, penyelenggaraan rekod senarai peserta tidak dikemas kini dan kurang pemantauan daripada pihak KADA.

4.1.7. Kesannya, agihan hasil padi sejumlah RM4.36 juta kepada peserta atau wakil peserta yang layak tidak dapat disahkan berikutan tiada surat kuasa wakil atau surat mentadbir pusaka.

Maklum balas KADA yang diterima pada 18 Disember 2022

KADA telah menambah baik Borang Kebenaran Kepada Wakil bagi mengambil wang hasil padi Ladang Merdeka dengan memasukkan perakuan penerima dan senarai dokumen sokongan. Di samping itu, KADA dalam peringkat perbincangan dalaman untuk membangunkan Sistem Pengurusan Ladang Merdeka dan SOP Ladang Merdeka masih dalam proses pemurnian untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi KADA. Selain itu, pembaharuan perjanjian akan dibuat secara berperingkat mengikut ladang.

Maklum balas KADA yang diterima pada 14 Julai 2023

- a. KADA telah menambah baik Borang Kebenaran Kepada Wakil bagi mengambil wang hasil padi Ladang Merdeka dengan memasukkan perakuan penerima dan senarai dokumen sokongan. Borang tersebut telah digunakan sepenuhnya mulai 17 Mei 2023.
- b. Perjanjian sedia ada telah dijenamakan semula kepada "Borang Kebenaran Tuan Tanah untuk Menyertai Projek Ladang Merdeka" mulai 4 Mei 2023. Borang tersebut perlu disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah. Perincian berkenaan agihan, keperluan penamaan wakil/kebenaran wakil yang sah, dan keperluan peserta untuk membayar cukai tanah telah dimasukkan.
- c. SOP telah dibentang dan diluluskan dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi KADA Bilangan 2 Tahun 2023 pada 26 Mac 2023 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah KADA Bilangan 3 Tahun 2023 pada 12 Julai 2023. Keterangan agihan hasil padi yang dinyatakan dalam Borang Kebenaran Tuan Tanah untuk Menyertai Projek Ladang Merdeka dan Surat Akuan juga diperincikan dalam SOP tersebut.
- d. Senarai peserta Ladang Merdeka telah dikemas kini dengan maklumat seperti penerima/wakil/nombor telefon/akaun bank/alamat dan lain-lain perkara yang berkaitan mulai musim 1 tahun 2022.
- e. Sistem Pengurusan Ladang Merdeka yang baharu telah dibangunkan mulai 17 Januari 2023 dan telah siap fasa reka bentuk. KADA dalam proses migrasi data dari pangkalan data sedia ada kepada sistem ini.

Pernyataan Audit | Kelemahan perjanjian, SOP yang tidak lengkap dan penyelenggaraan rekod peserta yang tidak dikemas kini mengakibatkan pengagihan hasil padi tidak dapat disahkan berjumlah RM4.36 juta.

4.2. Hasil Padi Berjumlah RM471,996 Tidak Diagih Kepada Peserta Pada Setiap Akhir Musim Penanaman Padi

4.2.1. Mengikut klausa 1.6 perjanjian, KADA perlu menyerahkan hasil padi selepas jumlah nilai hasil pengeluaran ditolak dengan jumlah kos pengeluaran dan bayaran perkhidmatan sebanyak 1%. Perenggan 2.0(iv) Tatacara Pelaksanaan Projek Ladang Merdeka menetapkan pembahagian hasil akan dibuat kepada peserta pada setiap akhir musim penanaman padi mengikut ekuiti milikan masing-masing.

4.2.2. Semakan Audit terhadap Senarai Pembahagian Hasil Ladang Merdeka berjumlah RM5.12 juta mendapati **hasil padi sebanyak RM95,503 dan RM143,331 masing-masing pada akhir musim penanaman tahun 2020 dan 2021 tidak diagih kepada peserta.** Selain itu, semakan lanjut mendapati **hasil padi terkumpul bagi musim penanaman padi tahun 2013 hingga 2019 berjumlah RM233,162 juga tidak diagih kepada peserta setakat 31 Disember 2021.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3.4.**

JADUAL 3.4
HASIL PADI YANG TIDAK DIAGIH KEPADA PESERTA SETAKAT 31 DISEMBER 2021

| BIL. | LADANG MERDEKA | TAHUN 2013 HINGGA 2019 | | TAHUN 2020 | | TAHUN 2021 | | JUMLAH KESELURUHAN | |
|------|----------------|------------------------|--------------------|--------------|--------------------|--------------|--------------------|--------------------|-------------|
| | | BIL. PESERTA | JUMLAH HASIL* (RM) | BIL. PESERTA | JUMLAH HASIL* (RM) | BIL. PESERTA | JUMLAH HASIL* (RM) | BIL. PESERTA | JUMLAH (RM) |
| 1. | Teratak Pulau | 21 | 45,017 | 33 | 20,100 | 45 | 40,390 | 52 | 105,507 |
| 2. | Ismail Mulong | 39 | 43,529 | 32 | 24,771 | 45 | 37,527 | 56 | 105,827 |
| 3. | Ana III | 7 | 50,998 | 6 | 11,492 | 6 | 10,037 | 7 | 72,527 |
| 4. | Cherebu | 39 | 26,340 | 35 | 12,123 | 40 | 9,167 | 48 | 47,630 |
| 5. | Ana II | 9 | 10,423 | 5 | 4,849 | 11 | 7,905 | 14 | 23,177 |
| 6. | Ana I | 21 | 9,565 | 18 | 5,061 | 26 | 7,093 | 28 | 21,719 |
| 7. | Bakong | 6 | 9,707 | 6 | 4,743 | 7 | 5,405 | 7 | 19,855 |
| 8. | Jelor | 12 | 14,946 | 4 | 1,120 | 5 | 2,733 | 13 | 18,799 |
| 9. | Meranti | 4 | 3,680 | 4 | 4,381 | 13 | 6,971 | 17 | 15,032 |
| 10. | Tok Limin | 10 | 9,997 | 4 | 1,878 | 5 | 2,550 | 13 | 14,425 |
| 11. | Kolam | 6 | 2,822 | 4 | 2,129 | 7 | 7,143 | 7 | 12,094 |

| BIL. | LADANG MERDEKA | TAHUN 2013 HINGGA 2019 | | TAHUN 2020 | | TAHUN 2021 | | JUMLAH KESELURUHAN | |
|---------------------------|----------------|------------------------|--------------------|--------------|--------------------|--------------|--------------------|--------------------|----------------|
| | | BIL. PESERTA | JUMLAH HASIL* (RM) | BIL. PESERTA | JUMLAH HASIL* (RM) | BIL. PESERTA | JUMLAH HASIL* (RM) | BIL. PESERTA | JUMLAH (RM) |
| 12. | Senor | 5 | 2,166 | 1 | 496 | 3 | 2,103 | 5 | 4,765 |
| 13. | Tok Lebir | 4 | 1,162 | 3 | 1,201 | 5 | 1,939 | 5 | 4,302 |
| 14. | Jabil | 1 | 206 | 2 | 910 | 4 | 2,116 | 4 | 3,232 |
| 15. | Manan | 1 | 2,250 | - | - | 1 | - | 1 | 2,250 |
| 16. | Bunut Susu | 1 | 354 | 1 | 249 | 1 | 252 | 1 | 855 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 186 | 233,162 | 158 | 95,503 | 224 | 143,331 | 278 | 471,996 |

Sumber: Senarai Pembahagian Hasil Projek Ladang Merdeka, KADA bagi tahun 2013 hingga 2021 dan Penyata Kewangan KADA Tahun 2021

Nota: *Jumlah hasil adalah untuk dua musim bagi satu tahun

4.2.3. Perkara ini disebabkan KADA tidak memantau tempoh agihan yang sepatutnya kepada peserta selepas pengiraan pembahagian hasil padi dibuat pada setiap akhir musim. Mengikut amalan pengurusan Ladang Merdeka, agihan hasil padi dibayar secara tunai kepada peserta atau wakil peserta yang hadir semasa majlis penyerahan hasil padi yang ditentukan mengikut kesesuaian KADA. Pindahan wang secara elektronik hanya dibuat berdasarkan permintaan peserta.

4.2.4. Kesannya, tempoh agihan hasil padi yang mengambil masa terlalu lama, iaitu sejak tahun 2013 mengakibatkan sejumlah RM471,996 tidak dapat dinikmati oleh peserta pada setiap akhir musim penanaman padi.

Maklum balas KADA yang diterima pada 18 Disember 2022

Sehingga 30 November 2022, sebanyak RM161,368 telah diagihkan kepada 83 orang peserta atau wakil. KADA telah mengambil tindakan dengan melantik pegawai bertanggungjawab untuk mengenal pasti peserta yang tidak dapat dikesan, membuat hebahan poster di masjid sekitar Ladang Merdeka dan media sosial KADA serta mendapatkan maklumat status peserta daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri dan JPN.

Maklum balas KADA yang diterima pada 2 Februari 2023

KADA sedang dalam proses membangunkan Pangkalan Data Peserta Ladang Merdeka dan dijangka siap pada bulan Disember 2023. Selain itu, Projek Ladang Merdeka akan dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Kategori A dan B. Bagi kategori A, kaedah pembahagian hasil akan dibuat secara tunai manakala kategori B akan disalurkan melalui pindahan secara elektronik.

Maklum balas KADA yang diterima pada 14 Julai 2023

- a. Pihak KADA telah mengambil tindakan pengesanan dan penyerahan agihan yang belum diagihkan. Sehingga 10 Julai 2023, hasil padi yang telah berjaya diagihkan kepada peserta/wakil yang sah adalah sebanyak RM215,592 yang melibatkan 104 orang peserta/wakil. Bagi peserta yang belum dapat dikenal pasti, pihak KADA telah mengemukakan carian hak milik rasmi kepada Pejabat Tanah dan Jajahan bagi mengesan pemilik/peserta berkenaan.
- b. KADA telah menambah baik tempoh agihan hasil padi kepada peserta daripada 150 hari kepada 90 hari selepas selesai penuaian di ladang. Perkara ini telah dimasukkan dalam SOP Ladang Merdeka.
- c. KADA dalam peringkat mengkaji keperluan memurnikan kesesuaian pindahan wang secara elektronik bagi pengagihan hasil padi di 16 Ladang Merdeka.

Pernyataan Audit | **Kelemahan pemantauan terhadap tempoh agihan hasil padi mengakibatkan sejumlah RM471,996 tidak diagih kepada peserta sejak tahun 2013.**

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, Projek Ladang Merdeka merupakan usaha yang baik oleh KADA untuk membangunkan tanah sawah terbiar di negeri Kelantan dan memberi pendapatan kepada pesawah. Bagaimanapun, berdasarkan skop Audit, terdapat kelemahan dalam agihan hasil padi bagi Projek Ladang Merdeka menyebabkan agihan berjumlah RM4.36 juta tidak teratur dan hasil padi tidak diagih kepada peserta berjumlah RM471,996 sejak tahun 2013. Perkara ini berlaku disebabkan kelemahan perjanjian yang tidak pernah disemak sejak tahun 1992, kelemahan pemantauan tempoh agihan hasil padi dan penyelenggaraan rekod peserta yang tidak dikemas kini.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan tindakan pematuhan kepada perjanjian dan peraturan kewangan, KADA disyorkan melaksanakan penambahbaikan dan mengambil tindakan berikut:

- 6.1. menyemak Perjanjian antara KADA dengan Peserta dan menyediakan SOP yang komprehensif merangkumi pengeluaran surat kuasa wakil, kaedah agihan hasil padi dan penamaan waris;

6.2. menyelenggara data peserta Projek Ladang Merdeka dengan lengkap, kemas kini dan sistematik serta pemantauan rapi bagi memastikan agihan hasil padi yang teratur; dan

6.3. menambah baik kaedah pembayaran melalui pindahan secara elektronik ke akaun bank peserta bagi memastikan proses agihan hasil padi dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan.